

Fakulti Ekonomi dan Muamalat USIM anjur pertandingan keusahawanan

KUALA LUMPUR 29 Okt. - Pelajar Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) akan menganjurkan pertandingan berasaskan keusahawanan iaitu *Islamic Entrepreneurship Business Plan Competition 2014* yang akan berlangsung pada November depan.

Ketua operasi pertandingan itu, Ummul Habibah Hamzah berkata, program tersebut yang dianjurkan

oleh Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) dengan kerjasama Pusat Keusahawanan Siswa (PPKS) USIM terbuka kepada mahasiswa institusi pengajian tinggi bagi memberi pendedahan dan pengetahuan mengenai proses penyediaan rancangan perniagaan khususnya dalam sektor perkhidmatan kewangan.

"Selain itu, program ini dapat mendidik mahasiswa dan bakal usahawan dalam menghadapi re-

aliti sistem kewangan serta menghasilkan idea dan inovasi yang dapat menyumbang kepada pembangunan sektor kewangan di Malaysia dan dunia," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Menurut Ummul Habibah, pendaftaran bagi menyertai pertandingan itu kini dibuka sehingga 1 November ini dan pihaknya akan menyenaraikan semua peserta yang berjaya pada 7 November depan.

Katanya, pembentangan rancangan perniagaan iaitu pertandingan itu akan diadakan pada 15 November iaitu ketika Pesta Konvokesyen USIM Ke-12 yang bakal berlangsung pada 13 hingga 16 November ini.

"Penyertaan terbuka kepada peserta berkumpulan dan setiap kumpulan mesti tidak melebihi 4 orang ahli. Sistem pemarkahan dinilai berdasarkan kepada persembahan, keaslian, kreativiti, fungsi, nilai

komersial dan kualiti perkhidmatan rancangan perniagaan tersebut.

"Hadiah yang ditawarkan kepada pemenang berjumlah sehingga RM2,000 dan para mahasiswa perlu merebut peluang seperti ini kerana banyak manfaat di samping meningkatkan daya kreativiti dan inovasi dalam kalangan mahasiswa jurusan ekonomi," katanya.

Untuk sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, mereka yang ber-

minat boleh melayari Facebook Unit Kerohanian Persidangan Keusahawanan Islam 10 (iCEPS10) atau laman web <http://www.iceps10.usim.edu.my>.

Peserta yang berminat juga boleh menghubungi jawatankuasa penganjur iaitu Siti Nadiah Abdul Mutalib di talian 014-5398768 atau Nurfaezah Zakaria di 014-5067663 atau e-melkan terus penyertaan kepada bppticeps10@yahoo.com.